

BN mampu rampas Kelantan – Abdullah

um - 21/8/2006

Ini menunjukkan satu isyarat daripada rakyat Kelantan yang mereka bersedia buat perubahan di samping bermuafakat dengan Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BAHRU 20 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) mampu merampas kembali tampuk pemerintahan negeri Kelantan daripada Pas berdasarkan sambutan yang ditunjukkan oleh rakyat Kelantan semasa lawatan beliau ke negeri itu hari ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun telah banyak kali melawat Kelantan tetapi sambutan kali ini adalah yang terbesar kerana ini menunjukkan rakyat Kelantan bersedia untuk membuat perubahan dan penghijrahan minda.

“Saya amat gembira dengan sambutan hari ini dengan ramai yang datang bermula di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra lagi dan kemudiannya diikuti di Dabong sebelum petangnya di Perkampungan Hadhari.

“Ini menunjukkan satu isyarat daripada rakyat Kelantan yang mereka bersedia buat perubahan di samping bermuafakat dengan Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan.

“Kini tinggal lagi adalah kerja keras daripada UMNO dan BN Kelantan,” katanya pada sidang

akbar selepas merasmikan majlis penutup Perkampungan Hadhari Kelantan 2006 di Kompleks Sekolah Wakaf Mek Zainab di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan dua hari ke Kelantan bermula hari ini berkata, rakyat negeri itu sudah sedia untuk membuat perubahan daripada kedudukan yang kurang pembangunan di bawah pemerintahan Pas kepada pembangunan yang lebih maju pada masa depan.

Sehubungan itu beliau meminta kepimpinan UMNO Kelantan supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk memelopori usaha membangunkan dan menggembleng kerjasama daripada rakyat.

“Harapan (untuk) merampas kembali Kelantan tetap ada. Sambutan rakyat kali ini satu tanda. Saya ingat rakyat Kelantan sudah bersedia membuat perubahan dan berhijrah minda dan sikap. Dari pada segi kedudukan (politik) itu yang penting,” jelasnya.

Abdullah juga berkata, beliau



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan orang ramai yang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan, semalam.

juga akan lebih kerap mengadakan lawatan ke negeri itu bagi melihat perkembangan projek yang dilaksanakan.

“Betul (saya akan kerap datang ke Kelantan), sebab saya nak follow-up dan nak tengok apa jadi dan apa berlaku. Kita kena follow-up.

“Pelaksanaan mesti ada follow-up, kalau tidak ada, ia jadi kelam-kabut. Di Terengganu dulu pun saya follow-up (semasa pemerintahan Pas),” ujarnya.

Sementara itu ditanya mengenai peruntukan besar sebanyak RM7.6 bilion kepada Kelantan dalam Rancangan Malaysia Ke-

sembilan (RMK-9) Abdullah berkata ia bukan semata-mata untuk meraih sokongan rakyat.

Sebaliknya beliau berkata ia sesuatu yang diperlukan oleh rakyat negeri itu setelah sekian lama tidak ada peruntukan sebesar itu diberikan untuk pembangunan di Kelantan.